




PROGRAM KITAR SEMULA PLASTIK UNTUK TERAPI DI RUMAH

Plastik perubatan yang digunakan dalam fasiliti perubatan dan terapi di rumah menghasilkan sisa plastik yang banyak. Program Kitar Semula Plastik untuk Terapi di Rumah ini bertujuan untuk mengumpul produk perubatan PVC terpakai yang berkualiti tinggi untuk dikitar semula menjadi produk baharu yang berguna.



Setiap tahun, terdapat **260 tan metrik** sisa plastik bukan klinikal yang boleh dikitar semula dibuang ke tapak pelupusan.



Terdapat pengguna yang tidak bertanggungjawab membuang beg PD terpakai ke dalam longkang dan ini membawa kepada kesan negatif ke atas alam sekitar.

Dengan menyertai program ini,

anda boleh mengurangkan separuh sisa plastik yang dibuang ke tapak pelupusan sampah. Kami memerlukan bantuan anda untuk perubahan dan menjadikan Malaysia tempat tinggal yang lebih baik untuk generasi masa depan kita!

**MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB
ANDA DALAM MENJADIKAN
PLANET KITA TEMPAT YANG
LEBIH BAIK UNTUK SEMUA**

UNTUK MAKLUMAT LANJUT



AMBIL TAHU TENTANG
INISIATIF DI
WWW.JOMRECYCLE.COM



BERBINCANG DENGAN DOKTOR
ATAU JURURAWAT ANDA



TALIAN PERTANYAAN
603-5566 2002



EMEL
INFO@BCSD.MY

INISIATIF DARIPADA



SUPPORTED BY



PROGRAM KITAR SEMULA UNTUK TERAPI DI RUMAH

JOM RECYCLE
PLASTIC RECYCLING IN HOMECARE



SIAPA YANG LAYAK?

Menyertai program ini adalah percuma. Anda tidak perlu membayar apa-apa untuk menyertai program ini, namun anda perlu memenuhi kriteria di bawah:

- ✓ Pesakit yang tinggal di Lembah Klang dan mengguna sistem dialisis Baxter
- ✓ Pesakit yang kediamannya mempunyai ruang untuk penyimpanan dan pengumpulan barang terpakai.
- ✓ Pesakit yang bermotivasi dan berjaya lulus penilaian selepas latihan.

BAGAIMANA UNTUK MENYERTAII?

Sila berbincang dengan doktor dan jururawat anda untuk pendaftaran. Setelah berjaya mendaftar, anda akan menerima tong kitar semula 12 Galen dan kit alu-aluan.

Kami sangat menghargai usaha yang anda berikan, dan kami berterima kasih kerana menjadi sebahagian daripada inisiatif yang bermakna ini!

5 CARA MUDAH UNTUK KITAR SEMULA



Langkah 1

Sanitasi gunting sebelum menggunakannya untuk mengasingkan tiub di bahagian bawah beg dialisat



Langkah 2

Buang larutan dalam beg dialisat, bilas beg dengan air yang bersih



Langkah 3

Ratakan beg sebelum meletakkannya ke dalam pelapik plastik dalam tong kitar semula



Langkah 4


Buang bahagian yang lain ke dalam tong sampah rumah kerana ia adalah sisa klinikal



Langkah 5

Ikat pelapik plastik dalam tong kitar semula selepas diperiksa oleh pemandu penghantar bekalan

Perkara yang patut & tak patut dilakukan



- ✓ Potong beg dialisat yang boleh dikitar semula dahulu sebelum mengendalikan beg efluen
- ✓ Letakkan tiub dan barangan yang tidak boleh dikitar semula ke dalam tong sampah domestik
- ✓ Letakkan barangan secara teratur
- ✓ Jaga kebersihan tong kitar semula dan pastikan tong sampah tidak rosak.
- ✓ Memudahkan laluan kepada pemandu penghantar bekalan untuk mengosongkan tong kitar semula.
- ✓ Basuh tangan anda dan bersihkan gunting selepas digunakan.
- ✗ Jangan letak barang selain daripada beg dialisat yang bersih ke dalam tong kitar semula.